

Etika, moral atasi salah guna ilmu: PM

BH 13 FEB 2001

Oleh Lichong Angkui

KOTA KINABALU, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata etika dan moral perlu diterapkan dalam sistem pendidikan global untuk mengelak penyelewengan dan penyalahgunaan terhadap ilmu dan maklumat.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menyarankan satu kod etika dan moral diperkenalkan bagi menentukan pengetahuan serta maklumat yang diperolehi, memanfaatkan semua pihak sepanjang masa.

“Mungkin etika dan moral juga perlu dibentuk secara global serta diajar sebagai subjek wajib kepada semua,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (Seameo) ke-36 di Hotel Pan Pacific Sutera di sini hari ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed; dan Pengarah Seameo, Dr Yahya A Muhaimin.

Dr Mahathir berkata, selain globalisasi perdagangan dan ekonomi, globalisasi pendidikan juga se-

Perdana Menteri menyarankan satu kod etika dan moral diperkenalkan bagi menentukan pengetahuan serta maklumat yang diperolehi, memanfaatkan semua pihak sepanjang masa

suatu yang membimbangkan kerana kesan dan implikasinya terhadap masyarakat dunia.

Katanya, globalisasi pendidikan tidak boleh disekat berikutan perkembangan dan kemajuan teknologi maklumat.

“Kecuali kita diajar bagaimana memanfaatkan pengetahuan yang dimiliki dengan baik, pengetahuan akan memberikan keburukan kepada kita,” katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam zaman teknologi kini, soal jarak bukan penghalang untuk menimba pengetahuan, malah sesuatu maklumat seperti proses membuat bom nuklear boleh diperolehi dengan mudah dari merata tempat melalui Internet.

Katanya, proses menimba lebih banyak pengetahuan tidak boleh ditolak kerana ia hanya akan me-

nyebabkan seseorang dikuasai golongan yang lebih berpengetahuan.

Beliau mahu Seameo mengambil tindakan pragmatik menangani cabaran globalisasi pendidikan dan pada masa yang sama memastikan ia terus relevan dan komited kepada wawasan penubuhannya.

Sambil berharap usaha dilakukan untuk merapatkan jurang ekonomi antara negara anggota, Dr Mahathir berkata adalah penting dilaksanakan segera dasar strategik untuk menghadapi cabaran globalisasi.

“Rantau ini perlu terus berkembang maju untuk mengekalkan integriti dalam semua bidang, justeru ia boleh dilakukan dengan meningkatkan kerjasama dan persefahaman pada semua peringkat,” katanya.

Dr Mahathir berkata, setiap negara anggota per-

lu bersedia bekerjasama, dengan sama-sama memikul cabaran dan berkongsi kekayaan secara adil.

“Matlamat Seameo masih relevan, cuma mungkin strateginya perlu diubah untuk disesuaikan dengan keadaan dan keperluan. Sebagai contoh, Seameo boleh memainkan peranan sebagai pelopor ke arah menstrukturkan semula sistem pendidikan bagi memenuhi keperluan dalam e-perdagangan dan k-ekonomi.

“Pusat Serantau Seameo sedia ada mungkin boleh mencari jalan bagi membantu negara anggota mewujudkan Pusat Kece-merlangan masing-masing, demi memenuhi keperluan di negara terabit,” katanya.

Perdana Menteri turut menghuraikan secara panjang lebar mengenai bahaya proses globalisasi yang

dikhuatiri akan terus memisahkan negara maju dan membangun melainkan ia benar-benar difahami.

Katanya, jika kuasa baru dalam proses globalisasi tidak difahami dan ditangani, ia menyebabkan hanya negara maju mendapat manfaat sedangkan negara miskin terus ketinggalan.

“Saya tidak menentang globalisasi tetapi tafsiran yang dibuat terhadapnya ketika ini hanya memanfaatkan yang kaya dan minimum manfaat atau tidak ada manfaat langsung kepada yang miskin.

“Aliran bebas modal hanya memanfaatkan mereka yang ada modal. Perdagangan bebas juga hanya menguntungkan mereka yang ada barangan atau produk untuk dieksport. Mereka yang tiada modal dan barangan, hanya mampu melihat aliran sehalu saja,” katanya.

Persidangan Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (Seameo) ke-36